

Penguatkuasaan lemah Sungai Gombak, Sungai Langat

Sungai tercemar teruk diberi lebih perhatian

Kementerian akan dapatkan kerjasama penduduk untuk langkah pemulihan

Oleh Norrasyidah Arshad
norrasyidah@bh.com.my

Banting: Sungai di negara ini yang mengalami masalah pencemaran tahap membimbangkan akan diberi lebih perhatian bagi memulihkannya semula.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata antara tindakan yang akan dilakukan kementerian ba-

gi mengatasi masalah itu adalah dengan mendapatkan kerjasama penduduk setempat, peladang serta pemilik lesen pembalakan.

Katanya, berdasarkan keadaan sungai di seluruh negara ketika ini, audit perlu dilakukan supaya program jangka panjang dapat menaik taraf semula kebersihan sungai.

"Bagaimanapun, tindakan ini memerlukan masa dan sebab itu kita akan rancang sungai mana yang perlu ditekankan dulu.

"Sebagai contoh, beberapa sungai tercemar di Johor boleh menjejaskan Selat Johor dan ini mungkin diberi perhatian dulu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kejohanan Olahraga Antara Sekolah-sekolah Tamil Daerah Klang di Stadium Jugra, di sini, semalam.

Dr Xavier berkata pihaknya ju-

ga akan membuat kajian menyeluruh berkenaan keadaan semua sungai termasuk aspek air mentah dan terawat supaya peruntukan bagi sumber air dapat dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

"Pada masa sama, kementerian akan menggiatkan lagi kempen 'Sayangi Sungai Kita' secara berterusan dengan memasuki sekolah, selain meminta pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyebarkan maklumat kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kuala Langat itu berkata, kementeriannya juga sedang dalam perancangan untuk meneliti Akta Perhutanan Negara dan meminda beberapa perkara membabitkan hutan di Semenanjung.

Katanya, semakan berkenaan juga akan dibawa ke Parlimen

supaya undang-undang dan hukuman mengikut akta terbabit dapat diperketatkan.

"Sekarang, kita lihat orang masuk hutan simpan tanpa ada lesen atau kebenaran. Apa tujuan mereka masuk hutan? Sebab itu kita nak ketatkan.

"Jika mahu masuk (hutan), kena beritahu apa tujuan. Kita juga mahu beri kuasa kepada pengarah hutan dan bahagian penguat kuasa supaya boleh kawal sungai dan hutan kita," katanya.

Dr Xavier juga mahu kerajaan negeri mengambil berat terhadap pemberian lesen kepada mana-mana kilang yang menjalankan operasi membabitkan sungai.

Katanya, dalam jangka masa 10 hingga 15 tahun, negara akan berdepan masalah kekurangan air termasuk kerana faktor perubahan cuaca.